

TANAM POKOK CERIA KAMPUS

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama L'Oreal Malaysia menanam 153 pokok pelbagai jenis di sekitar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) bagi meningkatkan kelestarian alam sekitar.

Program tanaman pokok itu sempena dengan L'Oréal Citizen Day 2019 anjuran L'Oréal dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) bertemakan Think Green, Act Green.

Naib Canselor UKM, Prof Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor berkata, program itu antara inisiatif (CSR) L'Oréal Malaysia Sdn Bhd untuk masyarakat dan komitmen tanggungjawab sosial mereka terhadap kelestarian alam sekitar.

"Bagi program ini, kami memilih 14 spesies pokok yang bukan sahaja untuk menambahkan kecantikan kampus, tetapi juga memperkenalkan spesies baharu untuk meningkatkan lagi kepelbagaian komposisi spesies

"Sesetengah spesies yang ditanam tidak dapat ditemui di kawasan kampus, tetapi biasanya terdapat di hutan dataran rendah selain spesies endemik," katanya ketika ucapan perasmian program L'Oréal Citizen Day 2019 di FKAB, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan L'Oréal Malaysia Sdn Bhd, Malek Bekdache, Timbalan Naib Canselor



FOTO: IHSU/LESTARI

MALEK dan Dr Mohd Hamdi bersama 200 sukarelawan L'Oréal dan UKM pada majlis Projek L'Oréal.



MALEK (kiri) dan Dr Mohd Hamdi (tengah) melancarkan projek L'Oréal CSR penanaman pokok bagi mencantikkan FKAB.

(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa), Prof Ir Datuk Dr Mohd Marzuki Mustafa, Pengarah LESTARI, Prof Datuk Dr Mazlin Mokhtar dan Timbalan Dekan FKAB, Prof Dr Mohd Syuhaimi Ab Rahman.

Sementara itu, Malek berkata, program L'Oréal Citizen Day 2019 adalah tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat yang diadakan setiap tahun bagi mendekatkan pekerja dengan komuniti.

"Ini adalah salah satu inisiatif syarikat setiap tahun dalam memberi komitmen dan mengukuhkan perpaduan antara pekerja dengan masyarakat setempat serta dunia sekeliling," katanya.

Antara pokok yang menjadi pilihan ialah cengal, merawan kancing, balau baut, bintangor gambut, damar minyak dan jelutong yang ditanam di sekitar FKAB dan Tasik Kejuruteraan.